

# 2022

## SSM Webinar



Disokong oleh:



## SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

Inisiatif 6.2.4, Pelan Antirasuah Negara (NACP) 2020 - 2023

# SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

Inisiatif 6.2.4, Pelan Antirasuah Negara (NACP) 2020 - 2023

## SINOPSIS KURSUS

Garis Panduan Tatacara Mencukupi telah dilancarkan pada 10 Disember 2018 selaras dengan Subseksyen (5) Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 seperti yang termaktub dalam Akta SPRM (Pindaan) 2018.

Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan) 2018 yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 telah memperkenalkan konsep Liabiliti Korporat. Sebuah organisasi komersial boleh dikenakan hukuman atas tindakan memberi atau menawarkan suapan oleh orang yang bersekutu demi kepentingan organisasi komersial tersebut.

Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama 18 agensi peneraju termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah membangun modul latihan berkenaan pelaksanaan Tatacara Mencukupi oleh organisasi komersial. Kursus latihan ini ditawarkan kepada pihak pengurusan semua sektor perniagaan yang termasuk di bawah takrifan organisasi komersial seperti entiti-entiti berikut;

- a. Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016;
- b. Syarikat asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia;
- c. Perkongsian dan perkongsian liabiliti terhad yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian 1961 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan
- d. Perkongsian dan Perkongsian Liabiliti Terhad asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

## OBJEKTIF KURSUS

Pada akhir program modul latihan ini, peserta akan dapat:

- Memahami keperluan asas peruntukan perundungan berkenaan liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan perincianya seperti tertakluk pada Akta.
- Mengenal pasti strategi, kaedah dan elemen untuk memaksimumkan keberkesanannya program Pencegahan Rasuah dalam organisasi mereka melalui elemen "T.R.U.S.T." sebagai asas dalam pelaksanaan tatacara mencukupi.
- Membantu organisasi komersial memahami dan mengaplikasi tatacara mencukupi dalam organisasi masing-masing bagi tujuan membendung gejala rasuah serta mematuhi Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

## HASIL PEMBELAJARAN

Dengan menghadiri kursus ini, para peserta akan dapat:

- Menerangkan kepentingan peruntukan perundungan liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan perinciannya.
- Mengenal pasti keperluan undang-undang liabiliti korporat yang terlibat bagi sesebuah organisasi komersial dalam usaha untuk mengelakkan perlakuan rasuah.
- Memahami dan menentukan kaedah tatacara mencukupi yang sesuai bagi sesebuah organisasi komersial dan bagaimana ini dikaitkan dengan piawaian global mengenai prosedur antirasuah.

## KANDUNGAN KURSUS

Latihan ini terbahagi kepada empat (4) modul seperti berikut:

**Modul 1:** Pengenalan dan latar belakang kepada undang-undang liabiliti korporat.

**Modul 2:** Pendefinisan dan perincian klausu di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

**Modul 3:** Tatacara Mencukupi (Bahagian 1) - Tatacara mencukupi sebagai usaha mengelak liabiliti korporat, prinsip T.R.U.S.T. dalam tatacara mencukupi, komitmen pengurusan atasaran, pengurusan risiko dan contoh-contoh & elemen-elemen pelaksanaan.

**Modul 4:** Tatacara Mencukupi (Bahagian 2) - Pelaksanaan langkah kawalan, pemantauan, penilaian dan penguatkuasaan sistematik, latihan dan komunikasi dan contoh-contoh & elemen-elemen pelaksanaan.

**LIABILITI KORPORAT** - Seksyen 17A Akta SPRM 2009 adalah satu peruntukan yang menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersil adalah didapati melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan/ atau bagi pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk pihak organisasi tersebut. Bagaimanapun, organisasi korporat boleh membela diri jika dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai 'Tatacara Mencukupi' dalam operasi organisasi mereka. Liabiliti korporat secara amnya adalah bermaksud tanggungjawab yang diletakkan ke atas sebuah badan korporat atas tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh orang yang bersekutu dengan badan korporat tersebut di mana pelakuan itu adalah dengan niat untuk memastikan terdapat manfaat kepada badan korporat tersebut.

**SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009** - Seksyen 17A(1) Akta SPRM 2009 telah menyatakan seperti berikut:-

(i) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat:

- (a) Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersil itu; atau
- (b) Untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersil itu.

**TATACARA MENCUKUPI** - Tatacara Mencukupi adalah satu-satunya mekanisme pembelaan sekiranya sebuah organisasi komersial dituduh di bawah Seksyen 17A Akta SPRM(Pindaan) 2018. Ia adalah sebuah sistem atau amalan yang menunjukkan usaha organisasi komersil untuk menghalang sebarang perlakuan rasuah oleh orang yang bersekutu dengannya. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Tatacara Mencukupi bagi membantu organisasi komersial membangunkan dan melaksanakan Tatacara Mencukupi.

# SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

## MAKLUMAT PENCERAMAH

Panel penceramah dari SSM.

## KUMPULAN SASARAN

Modul latihan ini disasarkan kepada (tetapi tidak terhad kepada) ahli-ahli lembaga pengarah, ketua-ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai pematuhan, risiko & integriti, pengurusan kanan organisasi, pegawai undang-undang dan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui berkenaan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan tatacara mencukupi.

## MAKLUMAT PENTADBIRAN

Tarikh	Platform	Masa	Mata CPE SSM
19 September 2022	Dalam Talian (Online)	9.00 pagi - 1.00 petang	4 mata
03 November 2022			
Kaedah Pembelajaran	Yuran		
Syarahan	RM300.00		

## BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

1

Pendaftaran hanya secara online di  
<https://e-comtrac.ssm.com.my>

2

### PENGGUNA BARU (Login Kali Pertama)

- Klik 'SIGN UP'
- Masukkan maklumat pendaftaran
- Klik 'REGISTER'
- Masukkan 'USERNAME' dan 'PASSWORD'

### Pengguna Sedia Ada SSM EzBiz

- Masukkan 'USERNAME' dan 'PASSWORD'
- Klik 'SIGN IN'

3

- Pilih 'Event Code' XXX/22/CEP/WEB
- Semak 'Available Seat'
- Klik 'Add Participant'
- Masukkan maklumat peserta
- Klik 'Submit'
- Semak maklumat peserta
- Klik 'Submit Payment'

*Nota: Sila hantar permohonan anda dalam tempoh 15 minit. Jika tidak transaksi anda akan dibatalkan oleh sistem secara automatik dan anda akan kehilangan tempat duduk. Sila mohon semula jika anda ingin meneruskan pendaftaran.*

*Bayaran penuh hendaklah dibuat semasa pendaftaran.*

# TERMA & SYARAT

## Untuk Pendaftaran Program Latihan Anjuran Bahagian Akademi Latihan Dan Pengurusan Pengetahuan (BALPP)

Semua pendaftaran WAJIB dilakukan melalui e-COMTRAC. Sebaik sahaja pendaftaran dilakukan, anda dianggap telah membaca dan menerima semua terma dan syarat ini.

Seorang peserta hanya dibenarkan untuk menghadiri SATU program latihan sehari untuk membolehkan anda menerima sijil penyertaan. Permohonan tuntutan bayaran balik tidak akan dilayan sekiranya anda mendaftar lebih daripada satu program sehari.

Tiada kunjungan (walk-in) diterima dan tiada kemasukan ke program latihan tanpa slip pengesahan untuk menghadiri latihan dalam kelas.

### Pautan Akses Webinar

E-mel notifikasi bersama pautan untuk mengakses webinar akan dihantar sekurang-kurangnya sehari sebelum webinar dilaksanakan. Pautan yang diberi adalah khusus untuk peserta berdaftar dan tidak boleh dipanjangkan atau dikongsikan kepada individu lain.

### Sijil Penyertaan

Sijil penyertaan akan diberikan kepada peserta sebaik sahaja bayaran diterima dan peserta menghadiri program latihan sepenuhnya.

SSM mengenakan caj bayaran fi sebanyak RM30.00 bagi setiap salinan penggantian sijil berikutkan kesilapan ejaan pada nama atau nombor kad pengenalan yang telah diisi oleh peserta/wakil semasa pendaftaran atau kehilangan sijil, dsb.

### Pembatalan/Ketidakhadiran

Tiada permohonan tuntutan bayaran balik yang akan dilayan sekiranya peserta berhasrat untuk membatalkan pendaftaran atau gagal menghadiri sesuatu program. Pertukaran peserta yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

### Notis Perlindungan Data Peribadi

Maklumat peribadi anda dan semua maklumat lain yang diberikan dalam permohonan ini termasuklah mana-mana maklumat tambahan yang anda kemukakan mungkin akan digunakan dan diproses oleh BALPP/SSM sebagai rujukan kami pada masa akan datang untuk memaklumkan kepada anda berkenaan program latihan kami. Selari dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami berharap agar anda bersetuju dan memberi izin kepada kami untuk menggunakan data peribadi anda. Sekiranya anda tidak memberi keizinan untuk memproses data peribadi anda, sila e-mel kepada kami di alamat comtrac@ssm.com.my.

### Penafian

SSM berhak membatalkan program, meminda tarikh, tempat, penceramah atau apa-apa pindaan disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka yang mungkin timbul tanpa sebarang notis terdahulu kepada peserta. SSM juga berhak membuat pindaan alternatif tanpa memberi notis awal. SSM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kematian, penyakit, kecederaan, kehilangan atau kerosakan harta kepunyaan, atau kerugian kewangan oleh mana-mana individu yang menghadiri program, walau apapun puncanya. SSM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos, kerosakan atau kerugian yang ditanggung oleh peserta akibat pindaan dan/ atau pembatalan. SSM tidak bertanggungjawab terhadap integriti daripada komputer atau peranti peserta, liputan internet jalur lebar (internet signal bandwith) anda, atau apa juar pertimbangan lain yang berada di luar kawalan SSM.

SSM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah atau kerosakan teknikal termasuklah tindakan, ketinggalan, masalah atau kerosakan mana-mana rangkaian telefon atau talian, sistem komputer dalam talian, pelayan (server), peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel, kesesakan liputan internet (traffic congestion) atau mana-mana laman sesawang atau gabungannya.

Semua maklumat yang terkandung dalam brosur ini adalah benar dan tepat pada masa percetakan brosur ini.

### Pertukaran

Sebarang pertukaran fi pendaftaran kepada program yang lain adalah tidak dibenarkan.

### Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah berdaftar sebagai penyedia latihan bersama PSMB di bawah GOV1000117857. Latihan ini boleh ditutunt di bawah Skim SBL (majikan perlu memohon geran sekurang-kurangnya sehari sebelum pelaksanaan latihan).

### Hakcipta

Bahan-bahan program latihan yang disediakan adalah khusus untuk kegunaan peserta. Tiada bahagian daripada kandungan ini yang boleh disimpan, diterbitkan semula atau dihantar dalam apa juar bentuk atau sebarang cara termasuklah fotostat, e-mel dan rakaman tanpa sebarang keizinan bertulis daripada pengarang atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat yang terkandung dalam dokumen-dokumen ini adalah dianggap bertepatan dengan masa penulisan ini ditulis. Penilaian dan pandangan yang dinyatakan dalam bahan-bahan ini perlu dianggap sebagai maklumat dan perbincangan umum dan tidak mewakili nasihat rasmi. Pandangan yang dinyatakan adalah untuk maklumat umum bagi memberi penjelasan dan pemahaman berkenaan perkara tersebut. Ia tidak boleh digunakan sebagai alternatif kepada nasihat undang-undang yang khusus daripada peguam anda atau mana-mana penyedia perkhidmatan profesional yang lain. Sekiranya anda mempunyai sebarang isu khusus dan/ atau pertanyaan berkenaan apa juar perkara undang-undang, anda harus berunding dengan peguam anda atau penyedia perkhidmatan profesional yang lain. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan sama ada dalam tindakan daripada kontrak, kecualian atau salah laku yang timbul daripada kandungan-kandungan dalam bahan-bahan ini.

## **BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (BALPP)**

 **Suruhanjaya Syarikat Malaysia**  
Tingkat 12, Menara SSM@Sentral  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur

 +603 2299 4906 / 4440 / 4441 / 5308

 comtrac@ssm.com.my